

Api 'makan' baju

■ Wanita tunggu cucian melecur 50 peratus dalam kebakaran

Kalbana Perimbanayagam
news@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Disambar api ketika menunggu cucian. Itu nasib menimpa seorang pelanggan wanita sebuah kedai dobi layan diri di Taman Jinjang di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8 malam, mangsa berusia 40 tahun dilaporkan melecur 50 peratus apabila premis berkenaan terbakar.

Difahamkan, wanita itu dalam keadaan stabil dan dirawat di wad kebakaran Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini.

Ketika kejadian mangsa dikatakan seorang diri menunggu cucian di dalam kedai dobi berkenaan sebelum api mula merebak dan memusnahkan 80 peratus premis.

Seramai 35 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jinjang, Sentul, Hang Tuah dan Sri Hartamas terlibat dalam operasi memadamkan kebakaran di kedai dobi itu.

Gambar mengenai kebakaran itu tular di laman sosial sejak malam kelmarin.

Pegawai Kanan City Coin Laundry Sdn Bhd, Kelvin Ang berkata, pihaknya terkejut selepas mendapat maklumat mengenai kebakaran di sebuah cawangan dobi milik syarikatnya.

"Berita ini memang mengejutkan memandangkan kami antara pelopor dalam perniagaan dobi yang sen-



KEDAI dobi layan diri di Taman Jinjang musnah dalam kebakaran.

tiasa mengamalkan langkah keselamatan tertinggi di semua cawangan bagi memastikan keselamatan pelanggan pada setiap masa.

"Buat masa ini, kami masih tidak tahu punca kebakaran, namun pihak syarikat memberi tumpuan terhadap keadaan mangsa yang melecur dalam kejadian itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelvin berkata, sebelum

kejadian kerja penyelenggaraan dijalankan di premis itu pada sebelah petang dan ia mungkin menyebabkan punca kebakaran.

"Secara peribadi, saya mengesyaki kebakaran ini ada kaitan dengan kerja penyelenggaraan dijalankan pada sebelah petang, namun pihak kami menunggu laporan forensik terlebih dulu selain memberikan kerjasama penuh kepada bom-

ba," katanya.

Beliau berkata, pihak syarikat berjanji memberikan bantuan diperlukan mangsa.

"Kami mempunyai lebih 400 cawangan di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara dalam tempoh empat tahun. Ini kejadian pertama," katanya memaklumkan anggaran kerugian RM300,000 akibat kejadian itu.

Sementara itu, usaha menemu bual mangsa di wad berkenaan tidak berjaya kerana pihak keluarga meminta supaya mangsa tidak diganggu buat masa ini.

FAKTA
City Coin Laundry Sdn Bhd miliki 400 cawangan di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara